

# 10 KATEGORI BERITA TIDAK BENAR MENGELIRUKAN



**Propaganda**

- Digunakan oleh kerajaan, syarikat dan NGO untuk mempengaruhi sikap, nilai dan pengetahuan pembaca.
- Melibatkan emosi pembaca.
- Boleh mendatangkan faedah atau sebaliknya.
- Contohnya seperti iklan atau berita kesan merokok yang boleh mendatangkan maut.



**Clickbait**

- Memaparkan tajuk utama yang sensasi dan direka khas untuk menarik perhatian pembaca.
- Berita seringkali mengelirukan dan kandungan mungkin tidak mencerminkan tajuk utama.
- Bermotifkan keuntungan pengiklanan.




**Berita yang ditaja**

- Iklan diolah untuk dilihat seperti kandungan editorial.
- Bercanggah dengan kesahihan organisasi berita.
- Pembaca mungkin tidak dapat mengenali kandungan sebagai berita tajaan jika ia tidak dilabel dengan jelas.



**Ejekan dan Helah**

- Mengandungi maklum balas sosial atau unsur humor.
- Mempunyai pelbagai perbezaan kualiti dan makna kandungan mungkin tidak jelas.
- Pembaca menganggap kandungan sebagai berita tulen dan boleh menjatuhkan kredibiliti dan maruah orang yang dilaporkan.



**Ralat**

- Organisasi berita yang bereputasi juga sering membuat kesilapan.
- Kesalahan boleh merosakkan jenama, menyinggung perasaan atau mengakibatkan impak litigasi.
- Salah satu contoh adalah apabila organisasi berita menerbitkan laporan mohon maaf kepada pembaca.




**Pendapat**

- Mengandungi ideologi dan merangkumi tafsiran fakta serta menunjukkan seolah-olah pendapat itu tidak prejudis.
- Memaparkan hak keistimewaan yang selari dengan naratif tetapi mengabaikan fakta lain.
- Menggunakan bahasa yang penuh beremosi.



**Teori konspirasi**

- Menterjemahkan realiti yang kompleks kepada perasaan takut dan memberi keraguan kepada pembaca.
- Kandungan berita tidak boleh dipalsukan dan bukti yang menidakkan konspirasi itu dianggap sebagai bukti lanjut terhadap konspirasi itu.
- Membantah pakar dan mana-mana pihak berkuasa.



**Pseudosains**

- Berita diterbitkan oleh pembekal "greenwashing", "miracle cures" dan anti-vaksinasi.
- Menyalahafsirkan kajian saintifik sebenar dengan berita palsu.
- Seringkali bercanggah dengan pakar perubatan dan sains.



**Maklumat salah**

- Mengandungi campuran kandungan faktual, salah atau sebahagiannya palsu.
- Niat penulis adalah untuk menyalurkan maklumat tetapi penulis mungkin tidak menyedari bahawa kandungannya salah.
- Mengandungi aturan palsu, kandungan dokumentasi dan tajuk berita yang mengelirukan.



**Palsu**

- Susunan kandungan direka untuk memberi informasi yang salah dengan sengaja.
- Menggunakan taktik pemasaran gerila, bot, komen dan penjenamaan tiruan.
- Dipengaruhi oleh keuntungan iklan, pengaruh politik atau keduanya.

**PETUNJUK MOTIVASI**

Duit
 Politik/Kuasa
 Humor/Hiburan
 Minat
 Salah Informasi

**KESAN**

Neutral
 Rendah
 Rendah
 Tinggi

Sumber: eavi Media Literacy for Citizenship